

**KAJIAN KES: INTERVENSI PSIKOMETRIK KERJAYA (MENGALAKKAN MURID
BELAJAR SEHINGGA PERINGKAT TINGGI KERANA ALLAH)**

Mohd Syukri bin Kamis, KB, PA, SPT, PLF
Kaunselor Sukarelawan KSKCare JAKIM
Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Sik
Persatuan Kaunseling Syarie Malaysia (PAKSI)
Persatuan Kaunselor Pendidikan Malaysia (PEKA)
Emel: *syukri2u@yahoo.com*

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk menggalakkan para pelajar di sebuah sekolah menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi selepas tamat SPM kerana Allah SWT. Seramai 200 murid tingkatan 5 terlibat dalam kajian ini. Kajian ini dilakukan apabila maklumbalas awal diterima daripada para pelajar bahawa mereka tidak perlu sambung belajar ke peringkat lebih tinggi kerana ibubapa mereka mendapati bahawa ramai lepasan siswazah menganggur ataupun tidak mendapat pekerjaan yang diinginkan serta dibebani dengan hutang menyambung pengajian iaitu hutang PTPTN. Perancangan tindakan difokuskan kepada menunjukkan bahawa perintah menuntut ilmu dengan bersungguh - sungguh adalah perintah Allah SWT, kewajipan belajar sepanjang hayat atau menambahkan ilmu adalah perintah Allah SWT, perbandingan orang yang berilmu dengan orang yang jahil di sisi Allah SWT dan kesan niat yang betul ketika menuntut ilmu dalam kehidupan. Keputusan menunjukkan bahawa 85 peratus pelajar berusaha mencari jalan untuk meneruskan pengajian tanpa mengira bidang pengajian selepas tamat SPM walaupun mendapat keputusan gagal dalam peperiksaan SPM kerana menyedari kepentingan ilmu dalam kehidupan.

Kata Kunci: Murid, Intervensi, Psikometrik Kerjaya.

Abstract

This study was conducted to encourage students in a school to continue their studies to a higher level after completing SPM because of Allah SWT. A total of 200 Form 5 students were involved in this study. This study was conducted when the initial feedback was received from students that they do not need to continue studying to a higher level because their parents found that many graduates are unemployed or do not get the desired job and burdened with debt to continue their studies, namely PTPTN debt. Action planning is focused on showing that the command to seek knowledge earnestly is the command of Allah SWT, the obligation to study throughout life or increase knowledge is the command of Allah SWT, the comparison of knowledgeable people with ignorant people in the sight of Allah SWT and the effect of right intention when seeking knowledge in life. The results showed that 85 percent of the students tried to find a way to continue their studies regardless of the field of study after completing SPM despite failing in the SPM examination because they realized the importance of knowledge in life.

Keywords: Student, Intervention, Career Psychometrics.

PENGENALAN

Menuntut ilmu sepanjang hayat adalah suatu tuntutan Allah SWT kepada semua manusia khususnya lagi ke atas orang Islam. Ini kerana, hanya dengan ilmu, seseorang manusia akan mengenali Tuhannya, dirinya, tujuan kejadiannya, amanah yang dipikulnya, cara melaksanakan tanggungjawabnya dan menguruskan kehidupan dengan efektif seterusnya mencapai ketenangan dalam kehidupan. Namun, apabila proses pembelajaran peringkat tinggi atau sepanjang hayat hanya dikaitkan semata – mata dengan tujuan pekerjaan dan pengumpulan kekayaan, akhirnya, ianya menjadi terbantut dan dipandang sepi oleh manusia yang dapat melakukan pelbagai pekerjaan dan mengumpulkan kekayaan tanpa perlu menyambung pengajian peringkat tinggi atau sepanjang hayat. Salah faham terhadap konsep asal pembelajaran peringkat tinggi atau sepanjang hayat ini menghasilkan natijah yang negatif. Justeru itu, kajian ini dilakukan bagi melihat hasil ke atas murid apabila konsep menyambung pengajian peringkat tinggi atau pembelajaran sepanjang hayat diperbetulkan Kembali sejajar dengan kehendak Allah SWT.

Isu Keprihatinan

Saya mengambil inisiatif menggubal modul untuk melaksanakan intervensi dan sesi kaunseling ini apabila mendapati ramai murid yang mengatakan tidak mahu sambung belajar kerana beberapa sebab seperti berikut:

1. Melihat ramai graduan menganggur
2. Ibu bapa tidak beri kebenaran kerana perkara pertama
3. Ibu bapa tidak beri kebenaran kerana isu kewangan
4. Ibu bapa tidak beri kebenaran kerana isu pinjaman
5. Rasa malas belajar

Ruang untuk melakukan intervensi dan sesi kaunseling ini ke atas semua murid atau responden pula semakin terbuka luas apabila semua kaunselor sekolah perlu melaksanakan ujian psikometrik Inventori Minta Kerjaya (tingkatan 1 dan tingkatan 3) dan Inventori Kematangan Kerjaya (tingkatan 5) kepada semua murid serta melakukan intervensi setelah murid selesai menjawab psikometrik berkenaan.

Objektif Kajian

Objektif Umum

1. Menunjukkan kepada klien bahawa perintah menuntut ilmu dengan bersungguh - sungguh adalah perintah Allah SWT.
2. Menyedarkan klien bahawa kewajipan belajar sepanjang hayat atau menambahkan ilmu adalah perintah Allah SWT,
3. Membawa klien membuat perbandingan orang yang berilmu dengan orang yang jahil di sisi Allah SWT.
4. Menyampaikan kepada klien kesan niat yang betul ketika menuntut ilmu dalam kehidupan.
5. Klien dibawa menyedari hakikat kehidupan dan matlamat kejadian di dunia ini oleh Allah s.w.t. sebagai hamba dan khalifah Allah.
6. Klien dibawa berbincang kesan perbuatan selepas mati nanti sama ada di alam kubur, padang mahsyar dan selepas penghisaban.
7. Klien dibawa menilai perbezaan keadaan kematian orang yang bermujahadah berbanding orang yang tidak bermujahadah untuk berubah.

Objektif Khusus

1. Klien dapat merancang kehidupan dengan positif.
2. Klien belajar dengan sungguh – sungguh sehingga selesai menduduki peperiksaan SPM.
3. Klien mencari jalan untuk sambung belajar selepas tamat SPM.
4. Klien menyambung pengajian selepas tamat SPM samada secara formal atau tidak formal.
5. Klien menyambung pengajian selepas tamat SPM tanpa mengira bidang pengajian samada akademik atau kemahiran.
6. Klien melakukan perkara yang bermanfaat dalam kehidupan selepas tamat SPM atau pengajian formal.

ANALISIS PENDEKATAN TEORI

Pengkaji menggunakan pendekatan Kaunseling Islam dalam kajian ini bagi membantu klien melakukan proses muhasabah, mujahadatun nafs dan membina kekuatan diri bagi melakukan perubahan diri secara syumul merangkumi aspek rohani, intelek, sosial, jasmani dan emosi. Ini kerana pendekatan Kaunseling Islam sesuai dengan fitrah kejadian diri manusia dan ianya merupakan wahyu daripada Allah S.W.T. Apatah lagi, sunnah Nabi S.A.W. adalah model daripada Allah s.w.t. kepada manusia dalam bentuk kejadian manusia itu sendiri yang menunjukkan bahawa Islam adalah realistik untuk diamalkan oleh semua manusia tanpa mengira bangsa, bahasa dan geografi. Pendekatan ini juga sudah menyatakan secara jelas untuk rujukan dan pegangan semua ahli kelompok tentang dalil – dalil kewajipan menuntut ilmu dan dalil – dalil tentang tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah Allah S.W.T.

Kumpulan Sasaran

Semua murid tingkatan 5 sebuah sekolah menengah kawasan pedalaman di salah sebuah daerah dalam negeri Kedah.

Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai batasannya yang tertentu iaitu

1. Murid tingkatan 5 sebuah sekolah menengah kawasan pedalaman di salah sebuah daerah dalam negeri Kedah.
2. Ianya hanya dilaksanakan ke atas 200 orang murid yang mengikuti sesi kaunseling kelompok iaitu 100 orang calon SPM 2017 dan 100 orang calon SPM 2018.
3. Keputusan yang dibuat oleh murid tertakluk kepada kebebasan memilih yang diberi oleh waris untuk menyambung pengajian dan kerjaya.
4. Bahan rujukan perancangan hidup yang terhad.
5. Kandungan bahan pendidikan lanjutan dan maklumat kerjaya berubah dari masa ke masa.

PELAKSANAAN KAJIAN

Temubual dilakukan dengan para murid semasa program motivasi yang dilakukan semasa minggu kedua persekolahan dibuka dan juga apabila para murid bertanya pada waktu senggang mereka. Semasa slot motivasi terdapat murid – murid yang memberikan maklumbalas bahawa mereka tidak mahu sambung belajar atau tidak diberikan kebenaran atau tidak digalakkan menyambung pengajian oleh waris mereka kerana beberapa sebab seperti:

1. Mereka melihat ramai graduan menganggur
2. Ibu bapa tidak beri kebenaran kerana melihat ramai graduan menganggur
3. Ibu bapa tidak beri kebenaran kerana isu kewangan
4. Ibu bapa tidak beri kebenaran kerana isu pinjaman
5. Rasa malas belajar

Maklumbalas Guru

Maklumat yang diperolehi daripada temubual dengan para guru berlaku apabila para guru datang berbincang tentang situasi murid mereka di dalam kelas atau kes yang dilakukan oleh murid mereka atau pendekatan yang boleh dilakukan bagi meningkatkan proses PDPC mereka untuk keseluruhan kelas atau murid tertentu di dalam kelas mereka. Para guru turut menyatakan bahawa murid mereka menyatakan tidak perlu menyambung pengajian kerana perkara yang sama. Maklumbalas inidiberikan oleh guru kelas dan juga guru mata pelajaran yang datang berbual dengan kaunselor.

ANALISIS SETELAH TINDAKAN DILAKSANAKAN

Pengakuan Pelajar

Maklumbalas yang diberikan oleh murid semasa di akhir sesi kaunseling kelompok untuk menyambung pengajian selepas SPM.

Maklumbalas borang penilaian

Maklumbalas yang diberikan oleh murid di dalam borang penilaian seperti:

1. akan menyambung pengajian selepas tamat SPM
2. senarai tindakan yang akan dilakukan selepas tamat sesi untuk meningkatkan prestasi pelajaran.
3. hasil kerja perancangan pendidikan, kerjaya dan kehidupan

Pengisian borang UPU

Para murid juga mengisi borang UPU untuk menyambung pengajian sama ada di bidang akademik dan bidang kemahiran.

Pengisian borang sambung belajar secara manual

Murid berpencaapaian akademik lemah mengambil inisiatif mengisi borang untuk diisi secara manual bagi menyambung pengajian dalam bidang kemahiran selepas tamat SPM.

Maklumbalas Guru

Para guru kelas dan guru mata pelajaran telah menyatakan bahawa para murid sudah memberikan maklumbalas positif untuk menyambung pengajian selepas tamat SPM.

PELAKSANAAN TINDAKAN DAN PEMERHATIAN / PENILAIAN

Langkah – Langkah Sebelum Sesi Kaunseling Dilaksanakan

Kaunselor terlebih dahulu melakukan proses penyediaan bahan yang merupakan bahan rujukan dan tugas kepada ahli kelompok semasa sesi kaunseling dilakanakan seperti:

1. syarat sambung belajar
2. syarat kerja JPA
3. takaful dan sebagainya
4. borang markah merit
5. borang perancangan hidup dan contoh perancangan hidup
6. borang penilaian sesi (skala likert dan esei)

Seterusnya bahan – bahan berkenaan disusun dengan teratur agar mudah dirujuk dan disusun mengikut langkah perbincangan topik slot sesi kaunseling. Borang penilaian sesi juga disediakan untuk diisi selepas selesai sesi akhir kaunseling kelompok.

Kaunselor turut mendapatkan senarai nama murid dan melakukan proses pemecahan kelompok pelajar dengan memastikan setiap kelompok terdiri daripada murid pelbagai kelas agar perkongsian ilmu di dalam kelompok menjadi lebih luas, pelbagai dan wujud saling bantu antara ahli kelompok.

AKTIVITI DALAM SESI KAUNSELING

Membaca/Mencari Bahan Rujukan

Membaca bahan yang diberikan atau dicari berkaitan pendidikan tinggi, kerjaya dan kehidupan:-

- i. Syarat menyambung pendidikan tinggi peringkat diploma
- ii. Syarat menyambung pendidikan tinggi peringkat sarjana muda
- iii. Syarat menyambung pendidikan tinggi peringkat sijil kemahiran
- iv. Syarat memohon pekerjaan berdasarkan SPA dan lain – lain
- v. Pembinaan keluarga
- vi. Pengurusan kewangan dan aset seperti simpanan, pelaburan, zakat, waqaf, sedekah, saham, aset tetap dan aset sementara
- vii. Pengurusan ibadah fardhu seperti haji, umrah, zakat
- viii. Pengurusan kecemasan seperti takaful

Menulis Perancangan Pendidikan Lanjutan, Kerjaya Dan Kehidupan

Ahli kelompok dikehendaki menulis perancangan pendidikan lanjutan, kerjaya dan kehidupan mereka dengan dibantu bahan rujukan yang disediakan atau pengetahuan sedia ada mereka. Perancangan boleh ditulis secara berbentuk isi penting sahaja atau dalam bentuk esei.

Pembentangan

Setiap ahli juga dikehendaki membentangkan perancangan masing – masing di dalam kelompok untuk dijadikan panduan, rujukan, perbincangan dan juga dimurnikan seandainya perlu.

PROSES PELAKSANAAN KAUNSELING KELOMPOK

Slot 1 (Rapo)

Slot ini diisi dengan sesi rapo atau taaruf dilaksanakan agar setiap ahli kelompok saling mengenali antara satu sama lain. Semasa slot rapo, para ahli kelompok diminta untuk menyatakan maklumat berikut:

- i. Latarbelakang diri, ibu bapa, adik – beradik (pendidikan dan kerjaya)

- ii. Hobi
- iii. Cita – cita
- iv. Keadaan pelajaran – keputusan peperiksaan, matapelajaran diminati
- v. Hubungan dengan ibubapa dan guru
- vi. Kaunselor menyatakan tujuan sesi

Slot 2 (Niat)

Setelah selesai sesi suai kenal, para ahli kelompok seterusnya dibawa untuk menilai kembali dan memperbetulkan niat masing – masing dalam menuntut ilmu. Para klien dibawa berbincang seperti berikut: -

1. Muhasabah diri - menilai keperluan sebenar untuk berubah atau atas faktor apa dirinya hendak berubah.
2. Mengetahui dan menyedari dengan jelas sebab diri perlu berubah dan kesannya ke atas diri dari aspek rohani, emosi, intelek, sosial dan jamani.
3. Setelah itu, bawa klien untuk memperbetulkan niatnya untuk berubah.
4. Niat klien diperbetulkan agar mencari keredhoan dan keberkatan di sisi Allah kerana ianya adalah teras keimanan dan kehidupan.
5. Klien disedarkan bahawa niat perlu diperbetulkan kerana ianya penentu sama ada usaha yang dilakukan akan berterusan (istiqomah), berkekalan, mampu dilakukan walaupun perit, mampu dilakukan walaupun tiada sokongan luaran, mampu dilakukan walaupun menghadapi pelbagai rintangan dan akhirnya diterima oleh Allah serta seandainya mati ketika melakukan proses berkenaan dianggap sebagai mati syahid.

Slot 3 (Pendidikan Lanjutan)

Klien seterusnya diminta untuk melakukan beberapa perkara berikut di dalam slot ketiga.

- a) Mengisi borang meritokrasi.

Selesai mengisi borang meritokrasi, klien dibawa berbincang tentang kekuatan dan kelemahan dalam pelajaran masing – masing serta fokus dan strategi yang perlu dilakukan untuk meningkatkan markah merit masing – masing samada aspek pencapaian akademik dan kokurikulum.

- b) Bahan tentang syarat menyambung pengajian di peringkat tinggi samada kemahiran atau akademik.
- c) Ianya disusuli dengan para ahli kelompok diberikan dan dikehendaki membaca bahan yang diberikan/dicari berkaitan pendidikan tinggi, kerjaya dan kehidupan. Sebelum sesi pembacaan bahan dan pencarian maklumat yang dikehendaki dilakukan, ahli kelompok diberikan arahan agar mengenalpasti dan menyenaraikan perkara berikut daripada bahan yang dibaca. Perkara itu adalah:
 - a. Pilih 8 pilihan pendidikan tinggi peringkat diploma
 - b. Pilih 12 pilihan pendidikan tinggi peringkat sarjana muda
 - c. Pilih 5 pilihan pendidikan tinggi peringkat sijil kemahiran

Slot 4 (Pendidikan Kerjaya)

Aktiviti kaunseling kelompok diteruskan dengan perkara berikut apabila ahli selesai menyenaraikan bidang pilihan pengajian.

- i. Klien diberikan bahan tentang kerjaya dalam SPA dan syarat-syaratnya serta tangga gajinya daripada lepasan PT3/PMR hinggalah Sarjana Muda. Kemudian, mereka dikehendaki membaca, mencari, memilih dan menyenaraikan 5 pilihan pekerjaan yang mereka kehendaki berserta maklumat lengkapnya.
- ii. Perbandingan antara bidang pengajian dengan syarat kerjaya
- iii. Setelah selesai, klien dikehendaki membuat perbandingan sama ada terdapat keserasian atau pertentangan antara bidang pengajian dengan kerjaya yang dipilih. Mereka juga diminta membuat kesimpulan tentang syarat-syarat dalam sesuatu kerjaya secara keseluruhannya.

Slot 5 (Muhasabah)

Sesi diteruskan dengan perbincangan beberapa perkara bagi menggalakkan dan meningkatkan semangat murid untuk menyambung pengajian selepas tamat SPM. Antara perkara yang dibincangkan adalah:

1. Tujuan belajar dan perintah Allah tentang menuntut ilmu di sisi Allah SWT.
2. Tujuan kerja dan perintah Allah tentang kerjaya di sisi Allah SWT.
3. Punca pengangguran.
4. Perbezaan orang berilmu dengan orang jahil.
5. Perbezaan ilmu dipelajari di sekolah dengan di IPT walaupun cuma Sijil Kemahiran Tahap 1.
6. Bincang sumber kewangan sambung belajar dan pinjaman, hukum dan kesan serta alternatif yang ada.
7. Bincang tentang menuntut ilmu dan kerjaya sebagai tanggungjawab kekhilafahan tanpa terlalu memilih kerjaya atau 'demand'.

Slot 6 (Perancangan Hidup)

Setelah klien mencapai celik jiwa tentang kedudukan belajar dan kerjaya di sisi Allah SWT, klien seterusnya dibawa melakukan aktiviti berikut:

1. Penerokaan bahan berkaitan kehidupan seperti takaful, saham, umrah, haji, pembinaan aset, perancangan keluarga hingga perancangan mati.
2. Perbincangan konsep keberkatan dan kesan dalam kehidupan.
3. Perbincangan perbandingan orang malas atau jahil yang kaya dengan orang rajin atau berilmu yang miskin.
4. Perbincangan perbandingan orang yang belajar atau bekerja kerana dunia dengan yang belajar atau bekerja kerana Allah.
5. Pilih 3 pilihan dalam kehidupan. Klien seterusnya menyediakan perancangan kehidupan mereka secara lengkap dengan menggabungkan dapatan slot 3 (perancangan pendidikan lanjutan) dan slot 4 (perancangan kerjaya) berserta dengan perancangan kehidupan yang merangkumi aspek ibadah fardhu dan sunat, pembinaan keluarga, pembinaan ekonomi,

hubungan sosial kemasyarakatan, perancangan kecemasan, perancangan di kala usia emas dan kehidupan selepas kematian.

Slot 7 (Penutup)

Slot akhir, setiap ahli kelompok akan melakukan beberapa perkara berikut, iaitu:

1. Pembentangan pendidikan tinggi dan rancangan hidup serta matlamat hidup. Pembentangan mereka juga akan dibincangkan sama ada dari aspek kesesuaian, ketepatan dan pemurnian yang perlu dilakukan.
2. Kesimpulan daripada sesi bermula slot pertama sehingga slot akhir.
3. Isi borang penilaian. Klien dikehendaki mengisi borang penilaian yang mempunyai bahagian skala likert, jawapan pendek dan esei bagi menilai keberkesanan sesi dan dapatan yang diperolehi klien berdasarkan objektif sesi dan pandangan klien sendiri merangkumi aspek rohani, intelek, sosial, jasmani dan emosi.

Soalan –Soalan Semasa Sesi Kaunseling

Beberapa soalan yang dikemukakan semasa perbincangan dalam sesi kaunseling berkenaan adalah seperti berikut:

1. Apa niat sebenar kamu ingin berubah? Apakah niat yang akan menjadikan tindakan kamu ini sebagai satu ibadah atau diterima oleh Allah?
2. Kerana apa kita perlu belajar? Sebenarnya, siapa yang suruh kita belajar bersungguh – sungguh? Jika kita belajar bersungguh – sungguh, apa yang kita akan dapat? Walaupun kita gagal dalam peperiksaan setelah berusaha bersungguh-sungguh, sebenarnya kita gagal atau berjaya di sisi Allah SWT?
3. Apa ganjaran Allah SWT kepada orang yang belajar bersungguh –sungguh kerana Allah SWT?
4. Seandainya kita belajar bersungguh-sungguh dengan menjaga segala adab menuntut ilmu dan berguru, tiba-tiba kita mati. Mati kita itu dikira mati apa?
5. Apa ganjaran kepada orang yang mati syahid? Kamu nak mati syahid? Untung ke orang yang mati syahid? Jadi, untungkan orang yang mati ketika sedang belajar bersungguh-sungguh?
6. Apa tanggungjawab kita sebagai hamba dan khalifah Allah SWT? Bagaimana kita nak memakmurkan muka bumi Allah SWT? Apa pekerjaan yang Allah SWT redhoi? Jadi, walaupun kita belajar bersungguh – sungguh, adakah kita mesti bekerja dalam bidang yang kita belajar?
7. Apa sebenarnya yang Allah SWT nilai? Kamu nak cari penilaian manusia atau penilaian Allah SWT? Mana lebih berharga, penilaian manusia atau penilaian Allah SWT?
8. Apa beza orang yang jahil dengan orang yang berilmu? Walaupun kamu miskin, tetapi berilmu dibandingkan dengan orang kaya yang jahil, siapa yang Allah SWT sayang? Kenapa Allah SWT sayang? Jadi, kamu nak Allah sayang kamu? Siapa yang sayang orang yang jahil? Jadi, adakah kamu nak jadi sahabat kepada syaitan? Kalau tidak mahu jadi sahabat syaitan, apa yang perlu kamu lakukan mulai sekarang?
9. Apa cara untuk menghilangkan sifat malas? Sifat malas datangnya daripada siapa? Siapa yang boleh tolong kita lawan atau buang sifat malas? Jadi, kena minta tolong pada siapa? Apa yang kita kena buat supaya Allah SWT tolong kita untuk melawan sifat malas?

10. Kenapa ramai siswazah menganggur? Allah suka atau murka kepada orang yang menganggur? Jadi, kamu nak jadi yang mana? Allah pandang pada pekerjaan yang hebat atau pekerjaan yang berkat? Apa beza pekerjaan yang berkat dan sebaliknya?
11. Berbanding orang yang kerja biasa-biasa walaupun berkelulusan tinggi dengan orang yang menganggur kerana memilih kerja, siapa yang Allah sayang? Jadi, sebenarnya kita belajar untuk apa? Adakah Allah memandang kepada pekerjaan dan gaji yang ada? @ Allah memandang kepada usaha kita? Maksudnya di sini apa?
12. Pangkat dan kekayaan dunia ini adalah rezeki yang Allah bagi kepada sebilangan orang. Sebilangan orang lagi, Allah bagi di akhirat. Jadi, di situ apa yang Allah swt nak bagitau pada kita? Kesimpulannya, yang penting dalam hal ini apa dia?
13. Apa yang kamu dapat perhatikan dalam syarat kelulusan kerjaya di bawah SPA? Adakah semua kerjaya mesti memiliki kelulusan yang sama dengan bidang perjawatan dipohon? Apa maksudnya di situ?
14. Jika diperhatikan, hanya kerjaya professional berlesen sahaja yang memerlukan kelulusan pengajian bidang yang sama dengan kerjaya dipohon. Selebihnya adalah tidak. Jadi, adakah perlu untuk kamu terlalu memilih bidang pengajian dan kerjaya? Apa yang penting di sini?
15. Siapa yang lebih mudah ditipu? Orang berilmu atau jahil? Supaya berilmu, apa yang kamu perlu lakukan?
16. Apa beza ibu bapa berilmu walaupun kerjaya biasa – biasa ataupun cuma menjadi suri rumah berbanding dengan ibubapa yang jahil?
17. Allah SWT suruh kita rancang kehidupan kita bagaimana? Dengan ilmu atau tanpa ilmu? Bila kita belajar di peringkat tinggi, ilmu apa lagi yang boleh kita pelajar?
18. Ada perbezaan ilmu atau tidak antara orang yang cuma belajar sehingga peringkat SPM dengan orang yang belajar di peringkat lebih tinggi samada di pusat kemahiran, universiti atau pondok atau belajar secara berterusan di masjid/surau? Maka, siapa yang lebih beruntung dalam kehidupan dunia dan akhiratnya?
19. Apa kesan kita jahil di dunia dan di akhirat? Jadi, adakah itu yang kita mahukan? Kalau tidak mahu, apa yang kita kena lakukan? Siapa yang dapat merancang kehidupan dengan baik? Orang jahil atau berilmu? Kesimpulannya, untuk berjaya dunia dan akhirat, kita kena ada apa? Kita kena buat apa?

Ianya dikemukakan berdasarkan kepada keadaan klien dan maklum balas klien daripada masa ke masa semasa sesi kaunseling berlangsung.

REFLEKSI KAJIAN

Daripada sesi kaunseling yang telah dilaksanakan, dapatan menunjukkan bahawa:

1. 95% pelajar mengisi borang untuk sambung belajar sama ada menggunakan UPU atau secara manual meliputi institusi pendidikan tinggi awam dan swasta merangkumi aspek akademik atau kemahiran.
2. 10% pelajar sambung belajar sebaik selesai menduduki SPM tanpa menunggu keputusan keluar dalam bidang kemahiran pada tahun 2018 (calon SPM 2017) dan 2019 (calon SPM 2018).
3. 75% pelajar sambung belajar setelah keluar keputusan. Daripada jumlah 75%, 20% dalam bidang akademik pengambilan pertama dan 45% dalam bidang kemahiran pengambilan pertama. Selebihnya sebanyak 10% menyambung pengajian dalam bidang kemahiran

setelah membuat rayuan atau dipanggil untuk kemasukan kedua atau pengambilan Disember.

IMPLIKASI KEPADA PROFESION

Alhamdulillah, kejayaan klien melakukan perubahan dalam kehidupannya membantu kaunselor untuk menggunakan pendekatan yang sama kepada kes yang sama. Ianya juga mendorong kaunselor untuk menyebarkan pendekatan ini kepada kaunselor lain dan orang ramai serta memudahkan kaunselor untuk menjadikannya sebagai contoh teladan bahawa dengan kembali kepada pendekatan yang sesuai dengan fitrah manusia iaitu kaunseling Islam, maka manusia akan lebih mudah mendekati diri kepada Allah dan menunaikan tanggungjawabnya sebagai hamba dan khalifah Allah.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Dicadangkan agar kajian ini dilaksanakan secara menyeluruh kepada semua calon SPM dan juga meliputi pelbagai peringkat umur bermula dari tingkatan satu agar tiada murid yang berhenti persekolahan selepas tingkatan tiga.

Klien yang mengalami situasi tidak mahu belajar peringkat tinggi boleh dibantu apatah lagi seandainya klien datang secara sukarela. Intervensi awal sebelum merujuk klien (seandainya perlu dirujuk) menggunakan logik akal yang berpandukan agama atau ilmu mantik dapat menimbulkan kesedaran kepada klien. Tindakan kaunselor mengadakan sesi kaunseling dalam bentuk tenang (tidak mengasak/memaksa klien), temu bual santai, menerima klien seadanya/tidak menghukum klien, berusaha memahami keadaan yang sedang dialami oleh klien, berusaha mengenalpasti punca klien menjadi begitu akan membantu klien melihat sama ada kefahaman dirinya betul atau salah. Ini seterusnya membantu klien menilai kesahihan pengetahuan yang diperolehi oleh dirinya. Kesimpulannya, dengan menggunakan pendekatan kaunseling Islam, klien dapat membina kekuatan dalamannya bagi memantapkan keazamannya untuk berubah bagi mencapai kejayaan dan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

RUJUKAN

- Aziz Salleh. (1996). *Kaunseling Islam Asas*. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
- Fariza Md. Sham et. al. (2006). *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*. UKM: Bangi
- Hairunnaja Najmuddin. (2007). *Membimbing Remaja Memilih Pendidikan & Kerjaya*. PTS Professional Publishing Sdn Bhd: Kuala Lumpur.
- Hanina H. H. dan Mastura M. (2010). *Belia Berisiko; Profil, Faktor Penyebab & Intervensi*. Institut Penyelidikan Belia Malaysia: Putrajaya.
- Haron Din. (1985). *Manusia dan Islam*. Hizbi Sdn Bhd. Shah Alam: Selangor.
- Haslinda Abdullah et. al. (2009). *Belia dan Pembangunan Modal Insan*. Penerbit UPM: Serdang.
- Kamal Abdul Manaf. (1996). *Manusia dan Personaliti Membentuk Insan yang Sempurna*. Utusan Publications & Dsitributors Sdn Bhd: Kuala Lumpur.
- Kamal Abdul Manaf. (2000). *Kaunseling Islam Satu Alternatif Baru di Malaysia*. Utusan Publications & Dsitributors Sdn Bhd: Kuala Lumpur.
- Kamaruzzaman Jalaludin. (2006). *Proses Kelompok Teori Kaunseling Bina Jiwa*. Rasaling Press Sdn. Bhd.: Perlis.

- Kamaruzzaman Jalaludin. (2006). *Teori Kaunseling Bina Jiwa; Falsafah dan Orientasi Klinikal*. Kangar: Perlis.
- Kamaruzzaman Jalaludin. (2014). Kaunseling Berasaskan Al-Qur`an dan Sunnah, Suatu Kewajipan kepada Semua Kaunselor untuk mengamalkannya. *Pembentangan ucapnama dalam Persidangan Psikologi dan Kaunseling Islam Malaysia 2014*.
- Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim et. al. (2012). *Kaunseling Dalam Islam*. Edisi Kedua. USIM: Nilai, Negeri Sembilan.
- Mohammad Shatar Sabran dan Samir MA. (2010). *Kemahiran Insaniah dan Masa Depan Negara*. ZH Publishing House: Kuala Lumpur.
- Mohammad Shatar Sabran et. al. (2010). *Pelajar Holistik; Kejayaan Pelajar holistic berdasarkan 11 teras utama*. Wavelength Publishing: Kuala Lumpur.
- Mohammad Shatar Sabran et. al. (2012). *5C, Formula Kebolehpasaran Graduan Masa Kini*. Global Pres: Petaling Jaya.
- Mohd Syukri Kamis. (2010). Kaunseling Islam; Soalan – soalan untuk klien semasa sesi kaunseling. *Kertas kerja yang dibentangkan dalam 18th APECA Biennial Conference-Workshop, Pulau Pinang*.
- Mohd Syukri Kamis. (2011). Islamic Counselling Practice: An Experience and Sharing to Others. *Kertas kerja yang dibentangkan dalam 3rd Conference of The International Association of Muslim Psychologists on Islamization and Indegenization of Psychological Knowledge, Selangor*.
- Mohd Syukri Kamis. (2013). “Ooo...Anak Sayang...Apakah maknanya bila Tuhan menjelaskan...”. SMK Tunku Sulong, Kedah.
- Mohd Syukri Kamis. (2016). *Modul Intervensi Psikometrik Pendidikan Lanjutan dan Kerjaya Tingkatan 5*. SMK Batu Lapan, Sik.
- Mohd Syukri Kamis. (2018). Kaunseling Islam: Soalan-soalan untuk klien semasa sesi kaunseling. *Kertas kerja yang dibentangkan di Universiti Sultan Abdul Halim Muadzam Shah dalam Seminar Kaunseling Islam, Kedah*.
- Muhammad Saffuan Abdullah. (2018). *Manual Intervesi Psikometrik*. Akademi Perundingan & Latihan PEKA: Kulai.
- Muhammad Saffuan Abdullah et. al. (2018). *Manual Intervensi Psikometrik Jilid 1*. Akademi Perundingan & Latihan PEKA: Kulai.
- Muhammad Saffuan Abdullah et. al. (2018). *Manual Intervensi Psikometrik Jilid 2*. Akademi Perundingan & Latihan PEKA: Kulai.
- Muhammad Saffuan Abdullah et. al. (2018). *Manual Intervensi Psikometrik Jilid 3*. Akademi Perundingan & Latihan PEKA: Kulai.
- Noorkhalisah Khamarudin et. al. (2014). *Realiti Kemahiran Edisi 2014*. Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Utara, Pulau Pinang.
- Norbaya Ahmad et. al. (2009). *Pembangunan Belia Abad ke-21; Isu dan Cabaran*. Penerbit UPM: Serdang.
- Othman Mohamed. (2016). *Kaunseling Perkembangan Kerjaya abad ke 21*. Penerbit UPM: Serdang.
- Shahabudin Hashim, Rohizani Yaakub. (2007). *Teori Personaliti Dari Perspektif Islam, Timur & Barat*. PTS Profesional Publishing: Kuala Lumpur
- Shannon Ahmad et al. (1993). *Prosiding Bengkel Kaunseling Menurut Perspektif Islam*. Pusat Islam Universiti Sains Malaysia: Pulau Pinang

- Sharifah Basirah Syed Muhsin, Che Zarina Sa`ari. (2015). *Kaedah Psikoterapi Islam Berasaskan Konsep maqamat Abu Talib Al-Makki*.DBP: Kuala Lumpur.
- Sidang Redaksi. (1998). *Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia 1998*. JTR, Kementerian Sumber Manusia Malaysia: Kuala Lumpur .
- Sidang Redaksi. (2014). *Panduan Pemilihan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta(IPTS)*, Edisi 4/2014. Pengurusan Pengajian Tinggi Swasta KPM: Putrajaya.
- Sidang Redaksi. (2016). *Kecemerlangan Modal Insan Melalui 12 Keperibadian*. Majlis Agama Islam Selangor: Shah Alam.
- Sidek Baba. (2006). *Pendidikan Rabbani: Mengenal Allah melalui Ilmu Dunia*. Karya Bestari Sdn Bhd: Selangor
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Perkembangan Kerjaya, Teori dan Praktis*. Penerbit UPM, Serdang.
- Wan Hussain Azmi Abdul Kadir .(1994). *Kaunseling dan Psikologi Menurut Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Zulhamri Abdullah et. al. (2010). *Kemahiran Insaniah, Ekspektasi Majikan*. ZH Publishing House: Kuala Lumpur.
- Zuraidah Abdul Rahman. (1996). *Pengenalan Kaunseling Kelompok*. IBS Buku Sdn Bhd: Petaling Jaya.